

Mahathir diharap tak kecil hati

KUBANG PASU: Umno Bahagian Kubang Pasu berharap, bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak berkecil hati atau menjauhkan diri daripada bahagian itu berikutan keagalannya dipilih sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno, November ini.

Ketua Umno bahagian itu, Datuk Mohd Johari Baharum, yakin Dr Mahathir akan menerima kekalahan dengan hati terbuka kerana menjadi adat dalam setiap pertandingan ada yang menang, ada yang kalah.

"Biasalah. nak buat macam mana, sebagai ahli politik yang serius apabila bertanding, kalah.... biasalah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Bumi Hijau di Kampung Tradisi Lembah Keriang dekat Changlun, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Dr Mahathir akan berasa kecil hati terhadap bahagiannya berikutan kegagalan mendapat-

kan tempat dalam pertandingan pemilihan tujuh perwakilan bahagian berkenaan, kelmarin

Dr Mahathir memperoleh 227 undi untuk menduduki tempat kesembilan daripada 15 calon. Hanya tujuh calon yang mendapat undi tertinggi dipilih menjadi perwakilan.

Johari yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, Dr Mahathir bukan saja dilihat mempunyai peranan penting malah dianggap sebagai sinonim dengan Umno bahagian Kubang Pasu.

"Dr Mahathir dah dianggap bagai darah daging kami dan sebab itu kami tidak mahu beliau duduk bersama perwakilan di belakang ketika perhimpunan," katanya.

Berikutan itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan menimbang untuk menggunakan kepakaran dan hubungan Dr Mahathir dengan negara Timur Tengah, China dan Jepun bagi menarik lebih ramai pelabur asing melabur di Malaysia.